



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN & CERAMAH
SEMPENA *EARTH DAY CHALLENGE 2018*
ANJURAN FLEX PENANG**

**09 APRIL 2018 (ISNIN)
11.00 PAGI**

**FLEX P5
2736, LORONG PERUSAHAAN BARU 2
KAWASAN PERUSAHAAN PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Encik Viswanathan Paramasivam
Ketua Operasi Flex Penang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud
Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan MPSP

Pegawai-Pegawai Kanan dan Kakitangan-kakitangan
Flex Penang

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

ASSALAMU ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABAROKATUH
SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PETANG

Alhamdullillah bersyukur kehadirat ilahi, pada pagi yang barakah ini dapat kita bersama-sama berkumpul untuk Majlis Pelancaran Earth Day Challenge2018 Anjuran Flex Penang.

Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dihormati Encik Viswanathan Paramasivam, Ketua Operasi Flex Penang dan pihak Pengurusan Flex Penang di atas kesudian menjemput saya dan MPSP.Sesungguhnya, saya amat menghargai undangan pihak Flex Penang bagi menyempurnakan dan seterusnya untuk kita bersama-sama menjayakan program pada pagi ini.

Saya amat bangga dengan sokongan padu yang diberikan oleh Flex Penang dalam usaha Kempen Hari Bumi 2018 yang secara tidak langsung menggambarkan semangat warga Flex Penang yang cintakan kehijauan bumi dan kesejahteraan alam sekitar. Syabas dan Tahniah!

Program *Earth Day Challenge* 2018 bersempama Kempen Hari Bumi 2018 yang diadakan hari ini adalah merupakan *smart partnership*

melalui konsep 7Ps(*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan *private partnership*, MPSP menjalankan kerjasama dengan syarikat korporat yang secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita.

Tuan-tuan dan puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Sambutan Hari Bumi merupakan acara tahunan yang disambut pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia bermula daripada tahun 1970 dan tahun ini merupakan Sambutan Hari Bumi yang ke-48. Sambutan ini adalah sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang.

Tema Sambutan Hari Bumi 2018 kali ini adalah “*End Plastic Pollution*” atau Mencegah Pencemaran Plastik. Plastik amat mengancam kehidupan kita di bumi ini dengan mengakibatkan keracunan, mencederakan hidupan laut, mengganggu hormon manusia melalui resapan unsur plastik dalam makanan (seperti pembungkus

makanan dan minuman) dan menyebabkan penyakit yang mengancam nyawa, malah ianya merupakan bahan sisa pepejal yang sukar diurai. Plastik juga mencemarkan udara jika dibakar dan merupakan antara sebab utama berlakunya banjir kilat, pencemaran air bawah tanah dan laut. Air yang bertakung dalam bekas-bekas plastik pula menjadi tempat pembiakan nyamuk. Antara langkah yang telah diambil oleh MPSP untuk mengurangkan pencemaran plastik adalah:-

- i. Kempen “*No Free Plastic Bag*” yang dilancarkan pada 1 Januari 2011 di mana bertujuan mengurangkan kesan karbon dengan menggalakkan penduduk Seberang Perai membawa sendiri beg untuk membawa barang belian mereka di premis perniagaan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan beg plastik.
- ii. Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sampah Di Punca mulai 1 Jun 2016 di mana pemilik dan penghuni setiap premis di Seberang Perai wajib mengasingkan sisa di premis masing-masing dengan kaedah yang paling mudah melalui pengasingan kepada dua (2) aliran, iaitu sisa bahan yang boleh dikitar semula seperti kertas, tin dan plastik dan sisa baki atau sampah seperti sisa organik. Sisa baki dimasukkan ke dalam tong sampah, manakala sisa kitar

semula dimasukkan ke dalam plastik atau apa-apa bekas yang bersesuaian dan diletakkan bersebelahan dengan tong sampah. Dasar ini bertujuan untuk mengurangkan sampah yang dihantar ke pusat pelupusan sampah. Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca ini, telah memperlihatkan satu pencapaian yang hebat di mana kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai telah meningkat daripada 22% pada tahun 2008 kepada 43.25% pada tahun 2017. Manakala, kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurang daripada 1.6kg/orang/hari pada tahun 2008 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun 2017.

- iii. Mempromosikan amalan kitar semula sisa-sisa plastik serta melaksanakan pelbagai program kesedaran awam di peringkat sekolah, komuniti, perindustrian dan agensi kerajaan untuk mengubah tingkah laku manusia mengenai plastik.
- iv. Melaksanakan bengkel *upcycle* di mana barang buang plastik diubah dan diolah menjadi beg, dompet dan barang hiasan yang menarik.

Sudah tiba masanya kita meletakkan kepentingan alam sekitar sebagai agenda utama dalam kehidupan dan aktiviti sehari-hari kita seperti penjimatan tenaga elektrik dan air serta sama-sama berusaha untuk menyelamatkan bumi daripada terus terancam. Setiap lapisan masyarakat perlu berganding bahu dan bersatu tenaga dengan penuh jiwa dan raga untuk memulihara dan melindungi alam sekitar. Aktiviti-aktiviti meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan alam sekitar dan menyayangi bumi perlu dipertingkatkan di peringkat sekolah, institut pengajian tinggi, komuniti-komuniti, syarikat swasta dan juga di kalangan masyarakat awam. Dalam hubungan ini, MPSP menyeru komitmen yang tinggi melalui sokongan yang padu dan kerjasama erat yang berterusan daripada sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGOs) untuk bersama-sama MPSP mempergiatkan usaha-usaha murni ini, sepetimana yang dilaksanakan pada pagi ini.

Antara program-program yang selari dengan tema Hari Bumi yang telah dijalankan oleh MPSP adalah:-

- i. Kempen *Earth Hour* di mana lampu-lampu pejabat di Menara MPSP dan juga di Cawangan Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jalan Betek dipadamkan untuk tempoh satu jam pada 24 Mac setiap tahun sejak 2015.

- ii. Program *Environment Conservation Awareness Event 2018* yang dianjurkan bersama-sama South Island Garment Sdn. Bhd. dan Armstrong Technology Sdn. Bhd.pada 24 Mac 2018 Program ini yang diadakan sempena Hari Air Sedunia 2018 melibatkan rawatan dan pemulihan kualiti air di Sungai Derhaka, Seberang Jaya menggunakan *EM Mudballs*.
- iii. Sempena Hari Air Sedunia 2018, MPSP juga telah melancarkan borang akujanji atas talian (*Online Pledge Form*) bagi penjimatatan air. Borang akujanji ini boleh dicapai melalui Laman Web Rasmi MPSP dan Laman Facebook Rasmi MPSP. Borang akujanji ini akan dibuka untuk capaian dalam tempoh satu (1) bulan bermula 22 Mac 2018 hingga 20 April 2018. Hasil analisa dan resolusi yang diperolehi dari inisiatif ini akan dikemukakan semasa Sambutan Hari Bumi Sedunia pada 22 April 2018. Susulan daripada akujanji ini, MPSP akan membuat pemantauan berkala ke atas warga Seberang Perai yang menandatangani akujanji ini ke arah memastikan penjimatatan air dapat dilaksanakan di Seberang Perai.
- iv. Perayaan Sungai Perai di Taman Kimsar bersempena Hari Tindakan Antarbangsa Untuk Sungai 2018 yang dianjurkan

bersama-sama Think City Sdn. Bhd., Zart Gallery Sdn. Bhd. dan dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran pada 31 Mac 2018. Tujuan perayaan ini adalah untuk meraikan nilai-nilai sungai yang sihat, dan mendidik serta menyebarkan kesedaran kepada orang ramai mengenai pemuliharaan tadahan air atau lembangan sungai dan kepentingan pengurusan sungai dan saluran air yang adil dan mampan.

v. Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) yang bertujuan untuk membangunkan Pelan Pengurusan dan Pembangunan bagi dua (2) lembangan sungai di Seberang Perai, iaitu Sungai Junjung dan Sungai Juru, ke arah pemuliharaan, pengurusan dan mengembalikan semula ekosistem semulajadi sumber air sungai. Pelan-pelan induk yang akan dibangunkan adalah:-

- ① Pelan Induk Ke Arah Banjir Sifar.

- ② Pelan Induk Pelaksanaan *Total Maximum Daily Load* (TMDL).

- ④ Pelan Induk Hidraulik Saliran Bandar.
- ⑤ Pelan Induk Pengurusan Hakisan
- ⑥ Enapan Sungai Serta Pelan Induk Pengurusan Muara Sungai.

Projek ini telah pun bermula pada September 2017 dan dijangka siap pada tahun 2019. Peruntukan sebanyak RM2,347,576.70 telah disediakan untuk pengumpulan maklumat serta data yang komprehensif meliputi ciri-ciri dan morfologi sungai, keadaan semasa dari segi kuantiti (hidrologi dan hidraulik) sungai, kualiti air sungai, aktiviti guna tanah di dalam lembangan sungai dan bentuk muka bumi.

Tuan-tuan dan puan-Puan yang dihormati sekalian,

Ingin saya maklumkan bahawa Kempen Hari Bumi ini adalah selari dengan dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadikan Pulau Pinang “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier*” (bersih, hijau, selamat dan sihat) dan juga hasrat MPSP untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang

tahun 2022. Ini adalah satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua pelanggan, *stakeholders*, Kerajaan Negeri dan warga Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP, dan seterusnya menjadikan MPSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan *civil society*.

MPSP ingin mewujudkan suasana persekitaran semulajadi yang segar, memberi kesedaran bahawa menghijaukan dan memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak serta memupuk minat mencintai alam sekitar bagi warga Seberang Perai. Dalam hubungan ini, melalui Keutamaan Strategik 4: Pembangunan Hijau dan Persekutaran Bersih dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 - 2022, MPSP telah merancang untuk melaksanakan beberapa program dalam usaha untuk menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon menjelang Tahun 2022. Program-program yang dirancang tersebut adalah:-

- i. Menanam 3,000 batang pokok di pelbagai lokasi dalam Seberang Perai setiap tahun. Program ini telah dimulakan pada tahun 2017 (27 ogos 2017) dengan penanaman 3,000 pokok *tecoma* di lokasi-lokasi yang ditetapkan di seluruh Seberang Perai.

- ii. Menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% menjelang 2022 dan mengurangkan beratan sisa pepejal yang masuk ke Tapak Pelupusan Pulau Burung sebanyak 50% pada tahun 2022.

Untuk makluman, Seberang Perai telah berjaya dengan satu pencapaian yang hebat di mana kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai telah meningkat daripada 22% pada tahun 2008 kepada 43.25% pada tahun 2017. Kadar kitar semula ini, adalah beratan kitar semula dari pelbagai agensi seperti pusat kitar semula di kawasan perkampungan dan perumahan, kilang, NGO dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai. Kadar sampah perkapita didapati berkurangan hasil dari Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang dikuatkuasakan sejak 1 Jun 2016. Kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurang daripada 1.6kg/orang/hari pada tahun 2008 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun 2017. Justeru, MPSP telah menetapkan sasaran untuk mencapai penghasilan sampah perkapita pada tahap 0.8kg/orang/hari menjelang tahun 2022. Angka-angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan penduduk Seberang Perai bersama-sama berganding bahu mencapai matlamat ini.

iii. MPSP memperkenalkan MPSP Smart Consumption Model

8R. Intipati kepada MPSP Smart Consumption Model 8R ialah memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Konsep 8R yang sentiasa saya war-warkan adalah:-

1. *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with 'things' and your relationship with the Earth).* Ianya mengajar kita membuat pembelian secara berhemah atau mengambil sekadar keperluan. Ini dapat mengelakkan pembaziran dari sisa tersebut berakhir di tapak pelupusan.
2. *Refuse (Don't consume what you don't need to).* Tidak membeli apa-apa yang tidak diperlukan.
3. *Reduce (Reduce consumption of energy and materials).* Kurangkan beratan sampah yang dihasilkan untuk dihantar ke tapak pelupusan sampah.

4. *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects).* Memulakan langkah mudah dalam pengurangan sisa dengan mengamalkan penggunaan semula barang seperti *reusable bag* (beg plastik) ketika membeli-belah.
5. *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away).* Barang-barangan yang rosak tidak dibuang tetapi dibaiki dan digunakan semula.
6. *Re-gift (Share, and be a part of the gift company).* Barang yang masih boleh digunakan dihadiahkan atau disumbangkan kepada pihak yang memerlukan.
7. *Recover (Energy and materials recovery).* Rawatan bahan buangan untuk menjana tenaga. Tenaga yang dihasilkan oleh kaedah khas dan digunakan sebagai kuasa / tenaga.
8. *Recycle (Close the loop and remake).* Cara dan kaedah dalam menjalankan kitar semula barang-barangan yang dibuang. Selain itu, mempraktikkan seni *upcycle*, barang terbuang untuk dijadikan suatu

barangan baharu, yang berkualiti, bernilai dan boleh digunakan.

- iv. Menukar sebanyak 1,000 unit lampu jalan kepada lampu LED setiap tahun sebagai satu langkah kearah penjimatan tenaga dan pengurangan pelepasan karbon. Menerusi inisiatif ini, sebanyak 13.35 tan CO₂e pelepasan karbon dapat dikurangkan setiap tahun.
- v. Memasang solar panel di MPSP agar dapat menyediakan sumber tenaga boleh baharu (renewable) yang mencukupi. MPSP telah memasang 220 unit panel berkapasiti 265Wp di atas bumbung parkir motosikal kakitangan MPSP. Program tenaga solar MPSP mula beroperasi pada Januari 2018. Sistem solar ini dijangka dapat mengeluarkan tenaga sebanyak 6,130kWh sebulan. Dengan tariff TNB RM0.365/kWh sekarang, dijangka boleh menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM2,237 sebulan atau RM26,829.63 setahun bagi tempoh selama 25 tahun.
- vi. Mewujudkan taman-taman kecil seperti *pocket garden* di Jalan Jeti Lama dan lebuh Kampung Benggali, taman rekreatif di Taman Kimsar dan Jalam Sembilang, Taman

Upcycle di Bandar Perda serta mempromosikan beberapa kawasan seperti di Bukit Juru dan Bukit DO, Bukit Mertajam untuk aktiviti *forest bathing*. Ini adalah untuk menjadikan bandar lebih hijau dan indah serta memberi ruang untuk masyarakat berkumpul bagi tujuan riadah.

Saya menyeru para hadirin warga Flex Penang dan amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua untuk menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab untuk melindungi bumi dan alam sekitar, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan sehijau mungkin. Marilah kita menjadi *environmental game changer* ke arah mencapai Seberang Perai Rendah Karbon pada tahun 2022 dan juga merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*”.

Tuan-tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Saya difahamkan bahawa ini merupakan kali kedua Flex Penang melaksanakan Program *Earth Day Challenge*. Program ini dilakukan sempena Hari Bumi (*Earth Day*) yang diraikan serentak oleh kesemua 61 kilang Flex di seluruh dunia. Program ini diadakan selama dua (2) minggu bermula 2 April 2018. Aktiviti-aktiviti yang diadakan termasuk

pemuliharaan penyu di Pantai Kerachut, penanaman pokok bakau di Sungai Acheh, Nibong Tebal, pengutipan sampah sambil di sekeliling kawasan kilang, “*hiking*”sambil menikmati alam sekeliling,gotong royong bersama komuniti setempat dan juga program bersama MPSP dengan mengadakan program ceramah dan juga pameran yang diadakan pada hari ini. Syabas dan tahniah Flex Penang! Saya berharap agar perjuangan menghijaukan bumi kita ini tidak akan terhenti demi manfaat generasi akan datang.

Dengan kata-kata tersebut, saya dengan sukacitanya dan dengan lafaz BISMILLAH merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Bumi Flex Penang.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Sekian, terima kasih.